

04 FEB 1998

Fayed-Saham

AL-FAYED SEDIA BELI SAHAM DALAM SYARIKAT DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 4 Feb (Bernama) -- Jutawan Mesir, Mohamad Al-Fayed tidak menolak kemungkinan membeli saham dalam syarikat-syarikat di Malaysia jika "ada orang mahu menjualnya dan memerlukan bantuan dan wang."

"Saya bukan spekulator tetapi jika ada orang mahu menjual dan memerlukan wang, pembelian seumpama itu boleh dibuat," kata beliau pada persidangan media bersama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Al-Fayed menjawab soalan sama ada beliau mempunyai rancangan untuk membeli kepentingan dalam syarikat-syarikat di Malaysia.

Dr Mahathir kemudian mencelah: " tetapi beliau sedang mengkajinya."

Al-Fayed yang berada di sini untuk lawatan tiga hari telah melawat Langkawi dan Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang. Beliau dijadual melawat kilang Malaysian Electric Corporation (MEC) di Kuantan esok.

Beliau juga dijadual menemui para pegawai Petronas dan Suruhanjaya Sekuriti serta mengadakan perbincangan dengan Penasihat Ekonomi kepada Kerajaan Tun Daim Zainuddin.

Ketika ditanya mengenai pertemuannya dengan para pegawai Petronas beliau berkata: "Saya mempunyai perniagaan minyak dan saya ingin menemui mereka untuk mengetahui bagaimana mereka mencari gali sumber asli itu.

Al-Fayed berkata beliau juga sedang mengkaji sama ada beliau boleh memberi apa-apa bantuan kepada Petronas.

Ketika ditanya mengenai pertemuannya dengan para pegawai Suruhanjaya Sekuriti, beliau berkata, beliau cuma ingin menyeuaikan diri dengan perkembangan di tempat berkenaan.

"Hanya jika seseorang mempunyai saham dan mahu menjual, maka saya sedia membelinya," kata beliau.

"Beliau sedia membeli KLIA tetapi KLIA bukan untuk dijual, " kata Dr Mahathir sambil diketawa oleh Al-Fayed. -- BERNAMA

ARA FAZ